

ATAS ARAHAN PM

Terminal dua siap 6 bulan

KUALA LUMPUR, Isnin — Pembesaran terminal dua lapanganterbang antarabangsa Kuala Lumpur yang baru akan disiapkan dalam masa enam bulan.

Pembesaran itu dijalankan atas arahan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, bagi mengurangkan kesesakan di terminal tersebut dan mempercepatkan kerja-kerja di terminal satu.

Perdana Menteri melawat kawasan projek tersebut pagi ini setelah mengucapkan selamat berangkat kepada Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong yang berlepas untuk melakukan lawatan rasmi empat hari ke Kuwait.

Datuk Seri Dr. Mahathir memberitahu pemberita selepas lawatan sejam itu, sebaik sahaja kerja pembesaran itu selesai, semua urusan ketibaan dan berlepas akan dijalankan di terminal baru bagi membolehkan kerja-kerja dipercepatkan di terminal lama yang sedang diubahsuai.

Projek pembesaran itu dijalankan di bawah skim pelaksanaan segera di mana harga dirundingkan dan tidak menerusi urusan tender biasa, katanya.

Gangguan

Perdana Menteri meminta pemborong projek itu, Promet Berhad, menyiapkannya dalam masa enam bulan dan jika boleh lima bulan. Jika mengikut cara-cara biasa, projek tersebut akan hanya disiapkan dalam masa 15 bulan iaitu sama dengan masa yang diambil untuk menyiapkan bangunan terminal dua.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, bila urusan ketibaan antarabangsa dipindahkan ke terminal baru, kerja-kerja di terminal satu akan dapat dijalankan tanpa gangguan dan boleh disiapkan empat bulan lebih awal dari yang dijadualkan.

Beliau merayu orang ramai cuba mengelakkan dari menghantar

mereka yang hendak berlepas, melainkan apabila perlu, semasa kerja-kerja sedang dijalankan.

Para penumpang juga terpaksa mengalami kesulitan dan menggunakan kemudahan-kemudahan sementara yang ada sekarang, tambahnya.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, pertumbuhan lalulintas penumpang adalah di luar jangkaan.

Pertumbuhan yang dimatlamatkan pada tahun 1978 ialah seramai 400,000 penumpang, tetapi pada tahun itu sahaja lapanganterbang antarabangsa Kuala Lumpur mengendalikan 2.4 juta penumpang iaitu lebih enam kali daripada bilangan asalnya.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia